**Recent Malay Books from Malaysia – Dec 2017**

**Mary Martin Booksellers Pte Ltd**
**Blk 231, Bain Street**
**#03-05, Bras Basah Complex**
**Singapore 180231**
**Tel : +65-6883-2284/6883-2204**
**Fax : +65-6883-2144**
**info@marymartin.com**
**www.marymartin.com**

I am me : Rahsia niaga DS Vida / Zinitulniza Abdul Kadir
Kuala Lumpur: ITBM-Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad, 2017
xi, 158p.
9789674606343

1. Success in business
2. Businesswomen
3. Women-owned business enterprises

$ 26.00 / PB
434gm.

Sejak Anugerah Juara Lagu (AJL) ke-29 pada Januari 2015, penampilan Dato' Seri Vida (DSV) dengan cincin besar bermahkota, aksi gedik menyakitkan hati, dan sebutan dialog jengkel, "Qu Puteh, Qu Puteh, barulah putih...." ibarat jarum panjang ditusuk masuk hingga terpanah terus di fikiran seluruh warga Malaysia. Qu Puteh malam itu seperti "menjajah" negara, dan DSV sekelip mata tular sebagai subjek sensasi, sekali gus menjadi bahan senda dan parodi komedi.
Namun, pernahkah kita tahu bahawa semua itu bukan aksi spontan DSV, tetapi sebaliknya dirancang setahun lebih awal, dan dipersembahkan begitu selepas mengkaji "human attitude" dan psikologi tingkah laku pengguna. Hasilnya, selepas sehari AJL29, jualan Qu Puteh mencanak naik, permintaan masuk tanpa henti, dan hasil keuntungan mencatat peningkatan berlipat kali ganda!
Itu bagaimanapun hanya cebisan daripada keseluruhan siri pengalaman DSV yang dikumpul menerusi 15 bab buku ini.
Rugi jika tidak miliki buku ini. Dapatkan, pelajari, ambil iktibar, dan jadikan pengalaman DSV inspirasi untuk kita sama berjaya sepertinya. Jika tidak dipecahkan ruyung, bagaimana mahu mendapat sagunya. Dan sagu sudah tersedia, hanya menunggu dipecahkan!
**http://www.marymartin.com/web?pid=326450**
------------------------------------------------------------------------------------

Amalan Nilai Islam Pemangkin Kejayaan Perniagaan / Suhaila Abdul Kadir & Mohd Rosli Mohamad
Serdang, Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia (UPM Press), 2017
viii, 182p.
Includes Index
9789673447077
1. Business – Religious aspects – Islam
2. Economics – Religious aspects – Islam
3. Finance (Islamic law)

$ 18.00 / PB
318gm.
http://www.marymartin.com/web?pid=326484
-----------------------------------------------------------------------------------

Akar Kami : Kisah Inspirasi Tokoh Professional Generasi FELDA : Bersama Merealisasi Transformasi / Zinitulniza Abdul Kadir & Muhammad Niam Shaari
Kuala Lumpur: ITBM-Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad & FELDA, 2017
226p.
9789674606084

1. Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan
2. Land reform – Malaysia
3. Land settlement – Malaysia
4. Malaysia – Biography

$ 20.00 / PB
482gm.

Buku ini memaparkan pengalaman 16 individu membesar di FELDA dengan segala bentuk kepayahan yang antaranya tidak mampu lagi digambarkan generasi muda hari ini. Hampir semua mereka ke sekolah berjalan kaki meredah tanah merah sehingga beberapa kilometer, belajar bertemankan cahaya pelita berikutan tiada kemudahan elektrik, keluar menoreh awal subuh sebelum ke sekolah dengan rambut berlekat susu getah, membajak sawah pada tengah malam ketika orang lain nyenyak tidur, mengelap sisa basahan air hujan pada batang pokok getah bagi meneruskan kerja menoreh, dan banyak lagi.
Istimewanya, hidup miskin dengan segala beban kepayahan itu bagaimanapun tidak sedikitpun mematahkan semangat mereka untuk berjaya, malah ia sebaliknya membakar azam mereka mahu cemerlang dalam hidup, dan seterusnya membawa keluarga keluar daripada belenggu kemiskinan.
Justeru, buku ini sebaiknya menjadi bacaan semua, khususnya anak-anak muda, kerana jika kehidupan hari ini yang serba lengkap dengan segala kemudahan masih dianggap sukar dan sering diguna menjadi alasan untuk gagal, bacalah bagaimana 16 tokoh ini menjalani kehidupan sukar mereka satu ketika dahulu. Sesungguhnya, kesusahan bukan penghalang, tapi ia sebenarnya penunjuk kejayaan - kepada mereka yang mahu berusaha.
**http://www.marymartin.com/web?pid=326485**
--------------------------------------------------------------------------------

Chef Adu Amran : Ke Mana Tumpahnya Kuah / Amran Hassan
Kuala Lumpur: ITBM-Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad, 2017
xv, 316p.
9789674605773
1. Adu Amran Hassan, Chef
2. Celebrity chef – Malaysia

$ 28.00 / PB
722gm.

"Ke Mana Tumpahnya Kuah (KMTK) masih mengekalkan konsep yang sama, seperti buku masakan saya terdahulu. Buku kedua ini menyambung langkah pengembaraan saya. Kalau dulu spektrum pengembaraan kulinari saya agak luas dalam usaha merealisasikan ideologi dan gaya masakan saya. Kali ini pengembaraan saya lebih berkonsepkan "sirih pulang ke gagang." Saya mengembara ke daerah, negeri dan negara keturunan saya."
- Chef Adu Amran-
**http://www.marymartin.com/web?pid=326489**
-----------------------------------------------------------------------------------
Rumah Teres dan Keserasian Budaya Masyarakat Malaysia / Nik Farah Elina Nik Ramzi Shah & Mohd Tajuddin Mohd. Rosli
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2017
xvi, 320p.
Includes Index ; Bibliography
9789834616779
1. Architecture, Domestic – Malaysia – Designs and plans
2. Terrace houses – Malaysia – Designs and plans
3. Malaysia – Social life and customs

$ 20.00 / PB
634gm.

Membicarakan ritual-ritual kehidupan yang berkaitan dengan agama dan kepercayaan kaum Melayu, India, dan Cina di Malaysia dan isu keserasiannya dalam tipologi rumah teres moden satu tingkat. Buku ini amat penting untuk pengetahuan arkitek, pemaju perumahan, perancangan perumahan, perancang bandar dan jua pembuat polisi perumahan agar dapat membantu dalam menghasilkan reka bentuk dan perancangan perumahan yang lebih baik. Buku ini diharapkan dapat menjadi asas kefahaman tentang tentang budaya-budaya di Malaysia bagi pelajar seni bina dan sains sosial, para arkitek dan profesional lain serta bacaan umum bagi rakyat jelata untuk menyemarakkan perpaduan kebangsaan dalam perspektif kepelbagaian corak hidup.
**http://www.marymartin.com/web?pid=326492**
-----------------------------------------------------------------------------------

Zainal Abidin III : Biografi Sultan Yang Adil dan Alim / Jelani Harun
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2017
xxxii, 332p.
Includes Index ; Bibliography
9789834902438

1. Zainal Abidin III, Sultan, 1866-1918
2. Sultans – Terenggan – Biography
3. Terengganu – Kings and rulers – History

$ 24.00 / PB
534gm.

Sejarah Kesultanan Melayu telah melahirkan pemerintah kerajaan yang memiliki ciri - ciri kekuatan masing - masing, sama ada sebagai seorang pembina empayar, penakluk, pembangun sosioekonomi, agama, politik dan sebagainya.
Dalam konteks Kesultanan Terengganu, Sultan Zainal Abidin III merupakan salah seorang daripada raja yang adil dan alim. Buku ini terdiri daripada 4 bahagian dan terbahagi pula kepada 15 bab perbincangan.
Seorang tokoh yang hebat akan terus hidup dalam penghayatan sejarah bangsa. Nama dan jasa - jasanya tidak akan luput daripada ingatan bangsa.
**http://www.marymartin.com/web?pid=326499**
--------------------------------------------------------------------------------
Panduan Asas : Fotografi Digital / Sabki Md. Noh & M. Shariful Hafizal
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2017
x, 174p.
Includes Index ; Bibliography
9789834901967

1. Photography – Digital techniques
2. Digital cameras

$ 12.00 / PB
360gm.

Buku ini dihasilkan sebagai panduan asas yang lengkap dan berguna kepada penggemar dunia fotografi untuk membantu mereka menguasai aspek berkaitan fotografi digital. Buku ini memberikan panduan dan mengajar cara-cara untuk mengawal fungsi kamera digital sepenuhnya bagi mendapatkan hasil foto seperti dikehendaki.
**http://www.marymartin.com/web?pid=326500**
--------------------------------------------------------------------------------

Hang Tuah : Catatan Vijayanagara / Rohaidah Kamaruddin, Hashim Musa & Shamshull Kamar Ahmad
Serdang, Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia (UPM Press). 2017
x, 173p.
Includes Index
9789673447060

1. Hang Tuah, active 1470 – Legends
2. Hang Tuah, – Legends – History and criticism
3. Folk literature, Malay – History and criticism
4. Melaka – History

$ 21.60 / PB
332gm.

Buku ini adalah kesinambungan buku Hang Tuah: Catatan Okinawa bagi membuktikan kewujudan watak Hang Tuah dalam sejarah Melayu Nusantara. Bagi membuktikan lagi kewujudan watak laksamana Melaka ini, penulis telah ke Vijayanagara India seperti yang tercatat dalam buku Hikayat Hang Tuah. Hikayat Hang Tuah mencatatkan bahawa Laksamana telah ke Vijayanagara untuk berkhidmat di bawah Maharaja India di jajahan Vijayanagara. Semoga dengan penulisan ini menambah kukuhnya dapatan adiwira yang diberi nama Hang Tuah ini benar-benar wujud dalam sejarah kegemilangan Empayar Melaka.
**http://www.marymartin.com/web?pid=326502**
--------------------------------------------------------------------------------
Apresiasi Komsas : Songket Berbenang Emas / Khairuddin Ayip & Mohd Isham Embong
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2017
viii, 132p.
Includes Index ; Bibliography
9789834912383

1. Malay literature – Problems, exercises, etc.
2. Malay literature – History and criticism

$ 4.80 / PB
200gm.

Buku ini merupakan buku sokongan kepada buku teks KOMSAS Bahasa Melayu Tingkatan 5: Songket Berbenang Emas. Buku yang berkonsepkan mesra murid ini dipersembahkan dalam bentuk bimbingan yang mudah. Matlamat penerbitan buku ini secara khusus untuk membimbing pelajar yang akan menjawab soalan peperiksaan dalam Kertas Bahasa Melayu.
**http://www.marymartin.com/web?pid=326504**
--------------------------------------------------------------------------------

Apresiasi Sastera : Naratif Ogonshoto / Kamaruddin Jeon
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2017
viii, 304p.
Includes Index ; Bibliography
9789834913021

1. Malay literature – History and criticism
2. Malay literature – Criticism

$ 8.00 / PB
456gm.

Buku ini merupakan buku sokongan kepada buku teks Novel Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan 5: Naratif Ogonshoto. Buku yang berkonsepkan mesra murid ini dipersembahkan dalam bentuk bimbingan yang mudah. Matlamat penerbitan buku ini secara khusus untuk membimbing pelajar yang akan menjawab soalan peperiksaan Kesusasteraan Melayu.
**http://www.marymartin.com/web?pid=326506**
--------------------------------------------------------------------------------
Kumpulan Sajak : Suara Wirawan Negara Bangsa / Ramli Abdul Halim
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2017
xii, 112p.
9789834913199

1. Malay poetry
2. Sajak

$ 4.00 / PB
152gm.

105 buah sajak pelbagai tema dan disampaikan dengan menggunakan bahasa yang mudah dan senang dibaca. Sajak - sajak harus bertenaga dalam menggerakkan semangat nasionalisme dalam kalangan pemuda - pemudi. Selain itu, sifat moral, adab serta perpaduan yang jitu ditegaskan dalam buku ini. Jadi karya yang dikumpulkan ini sangat menepati tema terutama golongan remaja untuk terus menyuburkan tanggungjawab dan kesedaran dalam diri.
**http://www.marymartin.com/web?pid=326509**
--------------------------------------------------------------------------------

Ayat-ayat Cinta dalam Al-Qur’an / Syaidatun Nazirah Abu Zahrin, Abidah Abd Rahim & Hanisah Osman
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2017
x, 162p.
Includes Index ; Bibliography
9789834901707

1. Qur’an – Criticism, interpretation, etc.
2. Love – Religious aspects – Islam

$ 6.00 / PB
208gm.

Buku ini mengupas koleksi ayat-ayat cinta yang terdapat dalam al-Qur'an. Ayat-ayat tersebut menghuraikan cinta Allah SWT kepada hamba, cinta sesama manusia dan cinta kepada kebaikan. Perkara menyebabkan kebencian Allah SWT juga dibincangkan dengan terperinci. Huraian yang dikemukakan disokong oleh hadis Rasulullah SAW dan pandangan ulama.
**http://www.marymartin.com/web?pid=326512**
--------------------------------------------------------------------
Pemikiran dan Gaya Mengarang Raja Ali Haji / Kartini Anwar
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2017
xx, 160p.
Includes Index ; Bibliography
9789834607111
$ 6.00 / PB
212gm.

Buku ini wajar dijadikan teks wajib baca bagi peminat sastera tanah air yang mahu mengenali karya-karya Raja Ali Haji dengan lebih dekat lagi. Tiga elemen penting iaitu pengarang, teks dan khalayak tetap menjadi unsur penting dalam menelusuri pemikiran seorang pengarang. Pengarang menggunakan haluan yang selari agar jalur pemikiran serta kepengarangan Raja Ali Haji dapat dianalisis dan dikupas.
**http://www.marymartin.com/web?pid=326513**
------------------------------------------------------------------------------

Menulis Mengatur Diri Berfikir / Nisah Haron
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2017
x, 328p.
Includes Index
9789834908553

1. Writing – Techniques

$ 6.40 / PB
290gm.

Karya sastera itu terbentuk hasil gabungan tiga perkara penting, iaitu manusia, peristiwa dan pemikiran. Manakala esei-esei sastera pula tidak lari daripada tiga unsur yang hampir sama. Hanya struktur penulisan dan khalayak pembaca yang membezakan antara kedua-duanya. Terdapat idea yang lebih indah jika diungkapkan dalam bentuk kreatif. Tidak dinafikan pula bahawa sesetengah isu yang lebih sesuai ditulis dalam bentuk esei.
Sesebuah hasil tulisan yang jelas datangnya daripada pemikiran yang jernih. Gaya penulisan esei sastera di dalam kumpulan ini dipengaruhi dua perkara: pertama, disiplin perundangan termasuk struktur penyampaian. Bidang ini telah mendisiplinkan cara berfikir dan menyusun idea supaya jelas, tuntas dan sesuai kepada pihak yang ditujukan. Kedua, didikan secara langsung daripada Sasterawan Negara Baha Zain dan Maman S. Mahayana yang menjadi pembimbing bengkel penulisan esei Majlis Sastera Asia Tenggara (MASTERA) pada tahun 2004 di Palembang. Esei-esei alam kumpulan ini ialah suara Nisah Haron yang mewakili pendirian dan juga zamannya.
http://www.marymartin.com/web?pid=326515
--------------------------------------------------------------------------------

Budaya Harian Politik Sarawak / Awang Azman Awang Pawi
Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya (UM Press), 2018
xvi, 250p.
Includes Index
9789831009703

1. 1. Sarawak (Malaysia) – Politics and government
2. Sarawak (Malaysia) – History
3. Government publications – Malaysia

$ 23.20 / PB
410gm.

Buku ini memancarkan isu-isu sosiopolitik Sarawak yang terus bergema dengan semangat zaman seawal tahun 2005 hingga berlangsungnya pilihan raya negeri Sarawak ke-10. Detik tersebut ialah pada akhir era pemerintahan Tun Abdul Taib Mahmud yang terkenal dengan agenda politik pembangunan. Pemerintahan 33 tahun sebagai Ketua Menteri Sarawak pula mempunyai idionsinkrasi yang tersendiri dan menarik untuk diteliti.
Pada masa yang sama, isu-isu dalaman komponen Barisan Nasional Negeri Sarawak seperti konflik dalaman SUPP, SPDP, PRS turut diberikan perhatian kerana apabila isu-isu ini tidak ditangani dengan baik maka akan timbul perpecahan yang sudah dapat dijangka dalam analisis ini. Isu-isu dalam parti politik sendiri seperti penjenamaan politik, konstruksi politik cool, menegakkan hal asasi menerusi undi, kemiskinan bandaran, kesedaran politik baharu, media baharu dan implikasi kepada politik semasa, debat politik dan politik debat, memahami budaya politik tempatan kesemuanya diberikan perhatian oleh penulis. Sementelahan itu, perjuangan parti mengekalkan kerelevanan pada zaman semasa juga turut dianalisis bagi memberikan pencerahan terhadap situasi politik Sarawak khususnya dan kesannya terhadap politik Malaysia.
Politik di Putrajaya juga dianalisis kerana situasi politik pusat mempunyai kepentingan tertentu terhadap politik di negeri Sarawak mahupun di Sabah. Kesemua ini dianalisis secara mikro dan permasalahan yang berlaku sebelum jalan penyelesaian dicapai turut dikemukakan. Hampir semua yang dianalisis dan diramalkan didapati tepat dan benar-benar berlaku. Buku ini penting dalam usaha menganalisis situasi pada era pemerintahan Tun Abdul Taib Mahmud agar dapat memahami kesinambungan era pemerintahan seterusnya.
**http://www.marymartin.com/web?pid=326518**
-------------------------------------------------------------------------------------

Malaysia dan Jepun : Perspektif Sejarah, Politik, Ekonomi dan Sosiobudaya / (Eds) Asmadi Hassan & Mohd Ikbal Mohd Huda
Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya (UM Press), 2017
xxvi, 216p.
Includes Index
9789831009611

1. Malaysia – Foreign Relations – Japan
2. Japan – Foreign relations Malaysia

$ 23.20 / PB
374gm

Hubungan Malaysia Jepun telah berlangsung sejak beratus-ratus tahun dahulu. Apa yang berlaku sepanjang hubungan tersebut sehingga kini? Buku ini memberi jawapannya dengan menggabungkan kajian-kajian berkaitan hubungan antara kedua-dua buah negara. Pelbagai perspektif telah dianalisis dan diterjemah dalam buku yang bertajuk Malaysia dan Jepun: Perspektif Sejarah, Politik, Ekonomi & Sosiobudaya. Buku yang memuatkan sembilan artikel ini adalah kombinasi kajian oleh pakar-pakar pengajian Jepun dari Universiti Malaya, Universiti Malaysia Sabah, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Malaysia Kelantan. Bab pertama hingga ketiga membincangkan perspektif sejarah perhubungan kedua-dua buah negara yang bermula dari migrasi nelayan Ryukyu ke Tanah Melayu, imigran Jepun di Sabah tahun 1880-1942 dan kesan pendudukan Jepun di Tanah Melayu kepada kesedaran nasionalisme dalam kalangan orang Melayu. Bab keempat adalah dari perspektif sosiobudaya yang mengangkat tema difusi budaya popular Jepun di Malaysia. Manakala bab kelima hingga terakhir bertemakan politik dan ekonomi. Bab kelima mendedahkan tentang jatuh bangun parti politik pemerintah Jepun yang boleh dijadikan pengajaran kepada Malaysia. Bab keenam tentang Bantuan Pembangunan Rasmi Jepun (ODA), bab ketujuh tentang eksport Malaysia ke Jepun 1980-2105, bab kelapan berkenaan peranan Malaysia dan Jepun dalam proses regionalisme Asia Timur dan bab terakhir berkaitan Keselamatan Insan dan dasar luar Jepun yang menjadikan kajian kes Grant Assistance for Grass-Roots Human Security Projects di Sabah. Buku ini sarat dengan maklumat terkini, dianalisis secara kritikal dan diolah dalam bahasa yang mudah difahami. Diharapkan dengan penerbitan buku ini dapat dijadikan rujukan penting dan menambah pemahaman kepada mereka yang dahagakan pengetahuan terutamanya dalam hubungan Malaysia-Jepun.
Selamat Menyambut Ulang Tahun ke-60 Hubungan Diplomatik Malaysia-Jepun – 1957-2017
**http://www.marymartin.com/web?pid=326519**
-----------------------------------------------------------------------------------

Apresiasi Komsas : Destinasi Impian / Kamarudin Jeon
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka,
viii, 168p.
Includes Index ; Bibliography pg165.
9789834912819

1. Malay literature – History and criticism
2. Short stories, Malay – History and criticism

$ 6.00 / PB
266gm.

Buku ini merupakan buku sokongan kepada buku teks KOMSAS Bahasa Melayu Tingkatan 1: Destinasi Impian. Buku yang berkonsepkan mesra pelajar ini dipersembahkan dalam bentuk bimbingan yang mudah. Matlamat penerbitan buku ini secara khusus untuk membimbing pelajar yang akan menjawab soalan peperiksaan dalam Kertas Bahasa Melayu.
**http://www.marymartin.com/web?pid=326520**
------------------------------------------------------------------------------------
Efektif Bahasa Melayu Asas / Mat Zaid Hussein (et al.)
Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya (UM Press), 2018
xviii, 92p.
Includes Index
9789831009734

1. Malay language – Phonetics
2. Government publications – Malaysia

$ 15.20 / PB
180gm.

Buku ini memperkenalkan modul dan komponen pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu asas yang efektif dan mudah dipelajari dan difahami oleh pelajar, terutamanya pelajar atau penutur asing yang mempelajari bahasa Melayu. Buku peringkat asas ini disusun secara sistematik dengan contoh yang bersesuaian dalam setiap pelajaran.
Ia mengandungi pelbagai aspek kemahiran bahasa yang membolehkan pelajar mempelajari dan menguasai kemahiran berbahasa mencakupi kemahiran lisan dan menulis. Buku ini memberi panduan kepada pelajar tentang pelbagai elemen mustahak dalam komunikasi dan kehidupan seharian.
Pelajar juga dapat mempelajari golongan kata, memahami istilah dan kaedah binaan ayat yang betul, selain mampu menggunakannya untuk menulis perenggan dan juga karangan pendek dalam bahasa Melayu dengan baik dan berkesan.
**http://www.marymartin.com/web?pid=326521**
------------------------------------------------------------------------------------

Dinamika Pengajian Al-Quran Dan Hadis / (Eds) Monika @ Munirah Abd Razak & Khadher Ahmad
Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya (UM Press), 2018
viii, 224p.
Includes Index
9789831009697

1. Qur'an – Criticism, Interpretation,etc.
2. Hadith – Criticism, Interpretation, etc.
3. Education, Higher – Research
4. Government publications – Malaysia

$ 20.80 / PB
360gm.

Buku ini adalah koleksi 10 bab pelbagai topik perbincangan dalam bidang al-Quran dan hadis hasil usaha dan kerjasama staf akademik Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Ia mengetengahkan perbincangan dalam isu-isu terpilih sama ada yang bersifat tradisional atau kontemporari. Setiap topik dibahaskan dengan terperinci, dan mengandungi rujukan yang komperhensif dan revelan. Buku ini sesuai jadi rujukan oleh semua lapisan masyarakat khususnya dalam kalangan penuntut pengajian al-Quran dan hadis atau umumnya dalam kalangan penuntut dalam bidang pengajian Islam.
**http://www.marymartin.com/web?pid=326522**
-----------------------------------------------------------------------------------

Hadis Daif dan Palsu : Realiti Pemakaiannya Di Malaysia / Faisal Ahmad Shah
Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya (UM Press), 2017
xiv, 236p.
Includes Index ; Bibliography
9789831009499

1. Hadith – Criticism, interpretation, etc.

$ 23.20 / PB
390gm.

Buku "Hadis Daif dan Palsu: Realiti Pemakaiannya di Malaysia" mengupas mengenai hakikat hadis daif dan palsu dari sudut definisinya, hukum meriwayatkan dan beramal dengannya selain kriteria dan ciricirinya. Buku ini juga memuatkan pengenalan ringkas kepada karya–karya ulama terdahulu dan masa kini yang mengumpulkan hadis-hadis daif dan palsu sebagai rujukan masyarakat awam. Pembaca juga akan didedahkan dengan maklumat mengenai realiti pemakaian hadis daif dan palsu di Malaysia dari aspek faktor penyebarannya, keberadaannya dalam karya-karya jawi, buku-buku bacaan awam selain cabaran yang dihadapi oleh penerbit-penerbit buku agama di Malaysia dalam menerbitkan hadis-hadis nabi. Beberapa amalan ibadat masyarakat Islam di Malaysia yang bersumberkan daripada hadis daif dan palsu turut dibincangkan. Keistimewaan buku ini kepada pembaca ialah paparan koleksi 460 hadis yang tidak wajar disandarkan kepada nabi SAW sebagai panduan mereka.
**http://www.marymartin.com/web?pid=326523**
-----------------------------------------------------------------------------------

Kompilasi Titah Istiadat Konvokesyen Canselor Ketiga Universiti Malaya : Duli Yang Maha Mulia Sultan Azlan Shah / (Foreword) Mohd. Anuar Bin Zani
Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya (UM Press), 2017
xxiv, 123p.
9789831009604

1. Speeches, Addresses, etc
2. Commencement ceremonies – Malaysia
3. Academic rites and ceremonies – Malaysia
4. Government publications – Malaysia

$ 12.00 / PB
336gm.

Dengan penentuan ALLAH SWT, pada tengah hari Rabu, 28 Rejab 1435 Hijrah, bersamaan 28 Mei 2014 Masihi, Duli Yang Maha Mulia Sultan Azlan Muhibbuddin Shah, menghembuskan nafas terakhir, menyahut seruan ILAHI. Namun, nama Baginda kekal terukir di dalam memori dan kekal terpahat pada dinding sejarah Universiti. Titah-titah yang Baginda zahirkan, sarat dengan pelbagai kebijaksanaan nasihat, teguran, pandangan serta ingatan, yang perlu terus dihidupkan dijadikan panduan - dijadikan pedoman. Kompilasi Titah Canselor ini, diterbitkan untuk membolehkan generasi hari ini dan generasi akan datang, menyelami mutiara yang terkandung dalam lautan kata yang telah Baginda zahirkan atas nama Canselor Universiti Malaya.
**http://www.marymartin.com/web?pid=326524**
------------------------------------------------------------------------------------

Wangi Warisan / Zaid Md. Saman (Ed) Zalila Isa
Kuala Lumpur: ITBM-Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad, 2017
704p.
9789674604516

1. Malaysian fiction (Malay)
2. Malay fiction

$ 22.00 / PB
640gm.

"Jika Nor tak dapat tolong abang, nampaknya habislah masa depan politik abang. Abang punyai cita-cita besar dalam politik. Abang ingin membawa anjakan besar dalamarena politik tanah air."
Novel ini mengisahkan perjuangan politik Cikgu Yazid Abdullah yang mempunyai visi dan misi tersendiri. Dunia politik yang selama ini bercelaru dengan pelbagai ragam dimensi, cuba diberikan nafas baharu. Budaya politik korup, kronisme, sogok-menyogok, cantas-mencantas dan pelbagai lagi budaya politik kotor, ingin diubah ke arah budaya politik bersih sesuai dengan makna sebenar politik itu sendiri. Berjayakah Cikgu Yazid?
**http://www.marymartin.com/web?pid=254008**
------------------------------------------------------------------------------

Bahasa Kenalan Cinta : Kumpulan Cerpen Remaja / Abang Median Sharifah Abdullah
Kuala Lumpur: ITBM-Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad, 2017
viii, 200p.
9789674604967

1. Short stories, Malay

$ 10.00 / PB
228gm.

Cerpen-cerpen yang terhimpun dalam Kumpulan Cerpen Remaja: Bahasa Kenalan Cinta ini memperlihatkan kebijaksanaan Abang Median Sharifah Abdullah mengolah pengalamannya sebagai pendidik dalam mendepani kerencaman jiwa remaja. Setiap pengalaman itu diolah, diadun, dan ditokok tambahnya dengan pelbagai rencah kehidupan lainnya hingga menjadikan setiap cerita yang disadurkannya menarik dan hidup, segar dan bertenaga.
Dengan penggunaan gaya dan lenggok bahasa yang segar, teknik pembacaan yang lancar, segala bentuk konflik yang ditampilkan tergambar jelas hingga membawa pembaca turut merasakan dirinya terselit di celah-celah konflik itu. Hingga demikian, pembaca turut berasa ingin terlibat dalam diri dan jiwa remaja yang diuji kemiskinan, diuiji kehilanan, diuji autisme, diuji psikosis, selain ingin berasa ingin mendampingi remaja yang alim dan kental semangat.
Tiga belas cerpen yang terhimpun dalam kumpulan ini memang terbukti kekuatan penceritaanya kerana hampir kesemuanya pernah memenangi sayembara penulisan di Bumi Kenyalang. Cerpen-cerpen yang termuat dalamnya wajar dibaca dan dihayati setiap lapisan masyarakat manakala cerita dan watak-watak remaja yang ditampilkan wajar diangkat sebagai suri teladan oleh khalayak pembaca, tidak kira pendidik, pelajar, malah ibu bapa sendiri.
**http://www.marymartin.com/web?pid=326526**
--------------------------------------------------------------------------------

Si Abu-Abu / (Eds) Jiso Rutan & Abdul Kadir Mohd. Yunus
Kumpulan Cerita Rakyat Sarawak
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2017
vi, 202p.
9789834619503

1. Folk Literature, Malay

$ 7.20 / PB
162gm.

Buku ini mengetengahkan cerita rakyat Kedayan dan Melayu. Cerita disampaikan secara naratif dan jelas. Terdapat elemen humor dan kecindan yang menjadi daya penarik dan dapat menambat hati pembaca. Selain itu, cerita yang dipaparkan sarat dengan unsur didaktik, moral dan nasihat.
**http://www.marymartin.com/web?pid=326527**
------------------------------------------------------------------------------
Langkah : Berdasarkan Cerita Asal Joon Goh / Dayang Noor
Petaling Jaya: Buku Fixi Sdn Bhd, 2017
288p.
9789672128106
$ 8.00 / PB
244gm.

Ada apa dengan Saleha?
Seksa sangat ke duduk dengan Maksu tu? Tak suka terkongkong dan kena tolong jual sate tiap-tiap malam? Dapat makan percuma, tak perlu bayar sewa bilikpun, Saleha tetap tak gembira.
Marah sangat ke dengan Abang Hafiz yang tak izinkan dia kerja kilang? Atau bengang sebab abang kandung sendiri dah khianati janji?
Saleha ada cita-cita. Jadi apa yang Saleha harapkan daripada jejaka asing bernama Bago itu? Mungkinkah dia Prince Charming? Knight in Shining Armour? Captain America? Walaupun tampak gagah, mampukah Bago beri apa yang Saleha idamkan?
Hati-hati Saleha, bila dah berani melangkah…jangan lupa baca Bismillah
**http://www.marymartin.com/web?pid=326581**
----------------------------------------------------------------------------

Parcel / Simon Malik
Petaling Jaya: Buku Fixi Sdn Bhd, 2017
308p.
9789672128120
$ 8.75 / PB
258gm.

Sebagai tukang pasang talian internet di lautan, Faisal selalu berjauhan dengan isterinya Anis. Satu hari, dia ditugaskan untuk menghantar parcel ke pelantar Stella Fortuna. Itu bukan tugas biasa, dan parcel itu harus dijaga seperti nyawanya.
Malangnya, pelantar itu diserang Laguna Pirates, kumpulan lanun yang berbahaya dan ganas. Tujuan mereka: merampas parcel itu atas arahan Descartes.
Laguna Pirates kemudian mahukan parcel itu, membuatkan Faisal dan Syaza, seorang lagi mangsa culik, tersepit di antara pertelagahan kuasa Laguna-Descartes.
Bukan sembarangan barang yang terisi di dalam parcel itu. Salah tangan yang menerima, pasti hancur dunia!
**http://www.marymartin.com/web?pid=326582**
---------------------------------------------------------------------------
Apresiasi Komsas : Jalan ke Puncak / Kamarudin Jeon
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2017
viii, 124p.
Includes Index ; Bibliography
9789834912222
1. Malay literature – Problems, exercises, etc.
2. Malay literature – History and criticism.

$ 4.80 / PB
198gm.

Buku ini merupakan buku sokongan kepada buku teks KOMSAS Bahasa Melayu Tingkatan 2: Jalan ke Puncak.Buku yang berkonsepkan mesra murid ini dipersembahkan dalam bentuk bimbingan yang mudah. Matlamat penerbitan buku ini secara khusus untuk membimbing pelajar yang akan menjawab soalan peperiksaan dalam Kertas Bahasa Melayu.
**http://www.marymartin.com/web?pid=326583**
----------------------------------------------------------------------------------

Hikayat Salim Adil : Sebuah Autobiografi Intelektual / Mohd. Affandi Hassan
Kajang, Selangor: Wadi Al-Irfan, 2017
xii, 156p.
9789670627892
Siri Novel Persuratan
$ 12.00 / PB
270gm.

Hikayat Salim Adil membawa beberapa isu dan persoalan penting khususnya dalam perkembangan sastera Melayu moden yang berterusan sejak ASAS 50 menguasai sastera Melayu melalui kegiatan kewartawanan tempat mereka bekerja. Karya ini adalah sebuah autobiografi intelektual yang keluruhnya berasaskan wacana pemikiran, bukannya berasaskan peristiwa yang berbentuk cerita seperti autobiografi biasa. Karya ini digarap dengan konsep dan teknik "stylization of ideas" yang diperkenalkan oleh Gagasan Persuratan Baru.
Walau bagaimanapun, peristiwa terpilih yang sesuai masih tetap dimasukkan untuk membantu pembaca memahami perkembangan peribadi seorang penulis yang serius.
Adapun yang penting di sini bukan peristiwa, tetapi isu dan persoalan penting yang menjadi tunjang kepada perkembangan intelektual dalam persuratan Melayu, sama ada yang berbentuk kreatif mahupun yang berbentuk kritikan sastera.
**http://www.marymartin.com/web?pid=326585**
--------------------------------------------------------------------------------
Bicara Budi / Budiman Mohd Zohdi (Ed) Anuar Manshor
Kuala Lumpur: Yayasan Harapan Budi, 2017
xii, 132p.
9789671524619

1. Malaysia – Politics and government
2. Malaysia – Social conditions

$ 15.00 / PB
206gm.
**http://www.marymartin.com/web?pid=326586**
--------------------------------------------------------------------------------

Petua Pintar : Karangan Cemerlang / Zulkifli Mohd Top
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2017
xiv, 258p.
Includes Index ; Bibliography
9789834912130

1. Malay language – Composition and exercises – Study and teaching (Secondary)

$ 7.20 / PB
316gm.
**http://www.marymartin.com/web?pid=326588**
------------------------------------------------------------------------------------
Kosa Kata dan Peribahasa Melayu Sarawak / Wan Junaidi Tuanku Jaafar
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2017
xviii, 154p.
Includes Bibliography
9789834916688

1. Proverbs, Malay
2. Malay language – Idioms
3. Malays – Sarawak

$ 6.40 / PB
202gm.

Buku ini memberikan tumpuan kepada kosa kata dan peribahasa Melayu Sarawak yang bertunjangkan pemaparan maklumat bahasa Melayu yang terkumpul daripada pelbagai daerah-Saribas, Samarahan dan Kuching.
**http://www.marymartin.com/web?pid=326589**
------------------------------------------------------------------------------------

Antologi Langit Kita : Sajak Seni Budaya KSNS – Sulawesi Tenggara / (Eds) Rosman Md Shah & Syaifuddin Gani
Petaling Jaya, Selangor: Gerakbudaya Enterprise, 2018
xviii, 118p.
9789670311104
1. Malay poetry
2. Indonesian poetry

$ 10.00 / PB
174gm.

Kita berpayung dan berteduh pada langit yang sama. Langit yang kebiruan, awan yang memutih dan ada ketikanya mendung mewarnai latarnya. Inilah langit yang sama kita nikmati pada setiap helaan nafas. Secara sedar, tidak kira di negara manapun, langit itu tetap langit yang kita syukuri. Demikianlah dalam unjuk rasa kehidupan – rencam. Antologi ini adalah lambang kesepakatan secara hurufiah dan jiwa para penyair dua negara iaitu Malaysia (Kerabat Seni Negeri Sembilan) – Sulawesi Tenggara (Kendari). Ketika Malaysia – Indonesia berdepan dengan pelbagai isu melibatkan hubungan diplomatik (isu seni budaya, sukan dan politik), para penyair dari kedua negeri ini sepakat atas prinsip: seni budaya tiada dekotomi politik dan harus bersatu. Inilah lambang perpaduan berteraskan semangat kebersamaan membangun seni budaya, bahasa dan sastera warisan bangsa. Seni bukan sekadar seni tetapi seni adalah penghubung kepada hubungan diplomatik dua negara. Dalam konteks memelihara keseniaan dan memartabat bahasa, sastera dan seni budaya, ia tanggungjawab semua pihak.Langit Kita adalah buah tangan teristimewa para penyair Bumi Anoa dan Kerabat Seni Negeri Sembilan. Nikmatilah dengan roh kesedaran bahawa seni kita bernaung atas akar budaya yang sama – bangsa Nusantara.
http://www.marymartin.com/web?pid=326591
---------------------------------------------------------------------

Mencari Makna Diri Melayu : Renungan untuk Bangsaku / Awang Sariyan
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2018
viii, 60p.
Includes Selected Bibliography
9789834907297

1. Malay language – Malaysia
2. Malay language – Usage – Malaysia
3. Language and languages

$ 4.00 / PB
86gm.

Prof. Datuk Dr. Awang Sariyan ialah Penyandang Kursi Pengajian Melayu Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia di Universiti Pengajian Asing Beijing, China. Sebelumnya beliau ialah Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka. Karyanya terdiri daripada lebih 60 judul buku dan lebih seribu makalah.
**http://www.marymartin.com/web?pid=326593**
----------------------------------------------------------------------
Kanak-Kanak Hilang Di Malaysia : Pengalaman dan Intervensi / (Ed) Khadijah alavi
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2017
xxii, 158p.
Includes Index ; Bibliography
9789834904029

1. Missing Children
2. Kidnapping

$ 6.00 / PB
210gm.

Buku ini menjelaskan kes kanak-kanak berumur 12 tahun ke bawah,yang hilang atau melarikan diri dari rumah.Buku ini memaparkan perbahasan tentang senario kanak-kanak hilang,peranan ibu bapa dalam menangani perkembangan psikososial kanak-kanak,profil kanak-kanak hilang, faktor penolak, faktor penarik, kesan kananak-kanak hilang pada keluarga, trauma kepada kanak-kanak dan keluarga serta banyak lagi.
**http://www.marymartin.com/web?pid=326594**
----------------------------------------------------------------------

Kumpulan Puisi : 1001 Akal Budi Melayu / Abdul Latif Haji Samian
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2017
xiv, 182p.
9789834915551

1. Malay poetry
2. Sajak

$ 9.60 / PB
226gm.

